

MAKLUMAT TAMBAHAN/PERINCIAN

Lembangan Sungai Buloh merupakan antara lembangan sungai utama di Negeri Selangor yang mengalami permasalahan kualiti air dengan Indeks Kualiti Air (IKA) Sederhana Tercemar berikutan pembangunan perindustrian dan komersial yang pesat di kawasan persekitarannya. Manakala Lembangan Sungai Selangor mempunyai Indeks Kualiti Air (Bersih) dan adalah lembangan sungai yang menyumbang lebih 60% bekalan air bagi Negeri Selangor dan Lembah Klang dengan empat (4) muka sauk LRA utama di Bestari Jaya.

Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS melaksanakan tindakan-tindakan berikut bagi menangani isu pencemaran di Sungai Buloh (Ijok) dan Sungai Selangor (Bestari Jaya) yang merangkumi;

- i) Penyelarasian tindakan bersepadan melalui Pelan Tindakan Sungai Buloh (PTSB) yang telah diluluskan Mesyuarat Lembaga Bil 1/2017 pada 6 Jun 2017. Mesyuarat PTSB ini dipengerusikan Pengarah LUAS yang turut dihadiri oleh semua agensi teknikal berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah serta wakil pihak berkepentingan. Di samping itu, penyelarasian aduan dan siasatan isu pencemaran yang diterima LUAS juga dilaksanakan dan dipantau melalui Jawatankuasa Pengurusan Aduan LUAS yang diadakan setiap bulan;
- ii) LUAS turut mengambil tindakan proaktif dengan menjalankan Kajian Kebersihan Sungai Buloh pada setiap tahun melalui kaedah pemantauan dan pensampelan di kawasan yang ditetapkan untuk mengenal pasti dan mengemaskini inventori punca pencemaran di Sungai Buloh di samping pemantauan status kualiti air di lembangan Sungai Buloh. Dapatkan hasil Kajian tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat Pelan Tindakan Sungai Buloh (PTSB) untuk penyelarasian tindakan bersama agensi berkaitan;
- iii) Dalam meningkatkan kaedah pemantauan inventori telah dilaksanakan melalui Kajian Pemetaan Dan Inventori Aktiviti Guna Tanah Di Rizab Sungai bagi Sungai Buloh, Sungai Langat Dan Sungai Selangor pada tahun 2019. Ini adalah bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti di sepanjang rizab sungai yang berpotensi menyebabkan pencemaran dan juga bagi tujuan kawalan aktiviti-aktiviti di rizab sungai;
- iv) Selain itu, bagi meningkatkan pemantauan kualiti air di Sungai Buloh dan Sungai Selangor pihak LUAS juga telah melaksanakan Program Pemantauan Sungai (*River Monitoring Program, RMP*) bermula pada 2023. Pelaksanaan RMP ini adalah selaras dengan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadan (IRBM) bagi Polisi 2: Memastikan Air Bersih dengan pemantauan semua faktor atau punca-punca yang memberikan

kesan signifikan kepada kualiti air dan juga kawalan di punca bersama agensi-agensi berkaitan dalam Pasukan Petugas Lembangan Sungai yang diadakan 4 kali/tahun;

- v) Pembangunan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Buloh pada tahun 2021 oleh JPS dan Pelan IRBM Sungai Selangor (2022-2030) yang dibangunkan LUAS turut mengambil kira pelbagai aspek melibatkan kawalan kuantiti dan kualiti air kini dalam peringkat pelaksanaan;
- vi) Mengambil tindakan penguatkuasaan secara pengkompaunan atau pendakwaan secara terus bagi kesalahan-kesalahan berkaitan pencemaran sumber air tanpa lesen/kebenaran daripada Pengarah LUAS;
- vii) Melaksanakan pemasangan stesen telemetri kualiti air di hulu muka sauk di Sungai Selangor sebagai sistem amaran awal/ *early warning system* bagi meminimumkan henti tugas LRA;
- viii) Pelaksanaan *Zero Discharge Policy* (ZDP) melalui Peraturan-peraturan Pelesenan Pembuangan Air Kembalian, Dan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Buangan Dan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2024 bagi pengawalan pelepasan ke sumber air daripada punca. Pelaksanaan polisi ini dilihat mampu untuk meningkatkan kualiti air sungai dan ekosistem persekitarannya dan seterusnya mengurangkan impak negatif daripada sektor ekonomi serta menggalakkan amalan pengurusan terbaik (*Best Management Practices, BMPs*) atau teknologi hijau seperti *reuse and recycle* pelepasan efluen.

Mempergiatkan usaha dan memperkasakan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor. Antara program yang telah dilaksanakan adalah penubuhan Sahabat Sungai atau dikenali *Friends of River, FoR* di mana program ini meliputi seluruh kawasan sungai di Negeri Selangor yang menggalakkan penglibatan komuniti setempat memelihara dan memulihara sungai/ sumber air di kawasan masing-masing.